

Versi Bahasa Malaysia

## KUMPULAN SYARIKAT PASB

### Polisi Privasi Data Peribadi

Polisi Privasi Data Peribadi ("**Polisi Privasi**") ini adalah dirumuskan berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta**") untuk Kumpulan Syarikat PASB yang merujuk kepada Permodalan ASSAR Sdn Bhd [No. Syarikat 199401004044 (289723-H)] dan semua anak syarikatnya (dirujuk sebagai "**Kumpulan Syarikat PASB**" atau "**kami**") selaras dengan peruntukan Akta.

Polisi Privasi ini menerangkan bagaimana kami mengumpul, memproses, menggunakan, menzahirkan, menyimpan dan melindungi maklumat peribadi anda.

### JENIS MAKLUMAT YANG KAMI KUMPUL

1. Kami mengumpul maklumat anda melalui pelbagai sumber, termasuklah maklumat yang kami terima daripada anda secara langsung dan/atau melalui kebenaran anda semasa anda menjalankan hubungan perniagaan dan kontrak dengan kami dan/atau perhubungan pekerjaan, pelantikan dan ikatan anda dengan Kumpulan Syarikat PASB; melanggan produk kami atau menggunakan perkhidmatan kami; dari pelbagai syarikat-syarikat dalam Kumpulan Syarikat PASB; dan maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga yang mendapat kebenaran dari pihak anda dan melalui sumber-sumber lain yang dibenarkan oleh undang-undang. Maklumat yang kami kumpulkan secara amnya termasuk, tetapi tidak hanya terhad, kepada butiran-butiran berikut:
  - Nama, alamat tempat tinggal, e-mel, nombor telefon, tarikh lahir, umur, jantina, bangsa, kewarganegaraan, agama, maklumat dokumen pengenalan diri, pekerjaan, maklumat kewangan anda atau yang berkenaan dengan keluarga, saudara anda atau individu yang dinamakan oleh anda;
  - maklumat berkenaan dengan nama syarikat, pendaftaran syarikat dan butir-butir pemerbadanan, alamat berdaftar atau perniagaan atau cawangan, butir-butir pemegang saham dan pengarah, profil syarikat, maklumat kewangan dan/atau semua maklumat berkaitan dengan transaksi, rundingan, perjanjian atau usaha bersama dengan Kumpulan Syarikat PASB;
  - data peribadi atau maklumat yang berkaitan semasa anda memulakan dan/atau mencadangkan untuk memulakan perniagaan atau hubungan kontrak dengan kami;
  - maklumat dari *resume* atau *vitae* kurikulum yang diserahkan kepada kami;
  - maklumat yang diserahkan melalui penyertaan anda dengan program anjuran pihak kami;

- rakaman imej anda melalui kamera litar tertutup yang dipasang di premis kami;
  - rakaman imej anda semasa mana-mana acara korporat anjuran pihak kami; untuk tujuan melayari laman web kami secara am, walaupun tiada data peribadi dihantar kepada kami, beberapa maklumat teknikal dan statistik tertentu adalah tersedia untuk kami melalui penyedia perkhidmatan internet kami seperti cookies, alamat IP, masa, tarikh dan tempoh anda melayari web; dan
  - sebarang komen, maklum balas, aduan atau pesanan yang dihantar melalui borang, e-mel, faks atau surat kepada kami.
2. Maklumat dan data peribadi yang kami kumpul akan digunakan untuk menjalankan urusan perniagaan kami. Sila ambil maklum bahawa sekiranya maklumat yang diperlukan oleh pihak kami tidak dikemukakan dan/atau tidak mencukupi atau tidak tepat, maka sebarang permohonan atau permintaan anda kepada Kumpulan Syarikat PASB untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan di perenggan (3) mungkin tidak akan diterima atau tidak diproses dan mungkin akan menjejaskan urusan kami dengan anda. Kumpulan Syarikat PASB tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian yang berlaku (jika ada).

### **BAGAIMANA KAMI MENGGUNAKAN DATA PERIBADI ANDA**

3. Dengan mengemukakan data peribadi anda dan/atau mana-mana maklumat yang relevan untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di bawah, sila ambil maklum bahawa anda bersetuju untuk Kumpulan Syarikat PASB memproses, menggunakan, menzahirkan, menyimpan dan menyelenggarakan maklumat tersebut untuk tujuan-tujuan berikut:
- untuk mengesahkan identiti atau latar belakang dan tujuan “*due-diligence*”.
  - untuk menunaikan obligasi kontraktual dan melaksanakan fungsi-fungsi yang berkaitan dengan hubungan perniagaan dan tanggungjawab kontrak;
  - untuk menilai permohonan/permintaan anda untuk produk atau perkhidmatan kami dan menunaikan obligasi kontraktual dan melaksanakan semua fungsi-fungsi yang berkaitan dengan pemprosesan permohonan/permintaan untuk produk dan perkhidmatan kami;
  - menzahirkan maklumat kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang telah berkontrak dengan kami bagi tujuan berkaitan pelaksanaan fungsi kami;
  - menzahirkan maklumat peribadi anda kepada pihak yang telah diberi kebenaran oleh anda untuk tujuan pelaksanaan perhubungan kontraktual antara pihak kami dengan anda;
  - untuk tujuan penilaian permohonan pekerjaan, program latihan dan program pembangunan graduan;

- untuk melaksanakan penyelidikan ke atas produk dan perkhidmatan kami dan memproses maklumat anda di bawah mana-mana program dan memberi anda maklumat dan/atau makluman yang terkini berkenaan perkhidmatan, produk, aktiviti dan program kami;
- untuk menyediakan data, laporan dan statistik yang telah tidak boleh mengenal pasti anda sebagai individu;
- untuk tujuan pentadbiran yang berkaitan dengan perniagaan dan hubungan kontraktual kami;
- untuk tujuan fungsi-fungsi audit, pematuhan, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat;
- penyimpanan rekod untuk tujuan berkaitan dengan keselamatan, tuntutan dan juga kegunaan undang-undang yang lain;
- untuk tujuan kemaskini, mengumpul dan menyelenggara rekod kami;
- untuk tujuan pematuhan undang-undang, peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau direktif pihak berkuasa yang berkaitan; dan
- bagi mana-mana tujuan yang berkaitan/menyokong atau sehubungan dengan tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.

Kesemua tujuan-tujuan di atas selepas ini akan dirujuk secara kolektif sebagai “**Tujuan-Tujuan**”. Sila ambil perhatian bahawa senarai di atas adalah tidak menyeluruh.

#### **KEPADA SIAPA DAN TUJUAN PENZAHIRAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA**

4. Anda juga bersetuju bahawa Kumpulan Syarikat PASB berhak menzahirkan dan memindahkan maklumat anda (sama ada di dalam atau luar negara) kepada pekerja-pekerja kami, ejen, kontraktor, rakan kongsi, penyedia perkhidmatan pihak ketiga, pengiklan, operator rangkaian, syarikat-syarikat berkaitan dalam organisasi kami, institusi-institusi yang berkenaan dan mana-mana pihak yang di bawah tanggungjawab memelihara kerahsiaan kepada Kumpulan Syarikat PASB. Sila ambil maklum bahawa maklumat anda hanya akan dizahirkan atas keperluan bagi pelaksanaan fungsi kami seperti yang dinyatakan di sini dan untuk pematuhan kepada sebarang keperluan undang-undang, perintah Mahkamah atau proses undang-undang.

#### **BAGAIMANA KAMI MELINDUNGI MAKLUMAT PERIBADI ANDA**

5. Data peribadi dan maklumat yang berada dengan pihak kami akan disimpan dengan selamat dan sulit. Kami mempunyai prosedur penyimpanan fizikal, teknikal dan pentadbiran yang sesuai untuk melindungi maklumat anda daripada kehilangan, penyalahgunaan atau pengubahan. Kami sedaya upaya akan memastikan privasi semua

maklumat yang disimpan. Namun begitu, kami tidak menjamin maklumat anda tidak akan didedahkan dalam cara yang tidak konsisten dengan polisi ini disebabkan oleh perbuatan yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang oleh pekerja-pekerja kami atau pihak ketiga.

#### **BAGAIMANA KAMI MENYIMPAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA**

6. Sebarang maklumat yang dikemukakan oleh anda akan disimpan berdasarkan polisi penyimpanan rekod Kumpulan Syarikat PASB dan selama mana yang perlu untuk menjalankan fungsi-fungsi yang dinyatakan di sini atau untuk memenuhi keperluan undang-undang dan perakaunan atau di mana tindakan undang-undang telah berbangkit dan masih tertangguh.

#### **BAGAIMANA KAMI MEMASTIKAN KETEPATAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA**

7. Kami mengambil langkah-langkah untuk memastikan maklumat anda tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan dikemaskini. Sila pastikan sebarang maklumat yang telah dikemukakan oleh anda adalah tepat dan lengkap dan hubungi pihak kami sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada maklumat anda.
8. Sila ambil maklum bahawa Kumpulan Syarikat PASB mungkin akan menggunakan budi bicaranya untuk membenarkan permohonan pembetulan/kemaskini atau mungkin memerlukan dokumen sokongan tambahan daripada anda untuk mengelakkan keberangkalan penipuan dan ketidaktepatan.

#### **HAK KEPADA AKSES DATA PERIBADI ANDA DAN BAGAIMANA UNTUK MENGHUBUNGI KUMPULAN SYARIKAT PASB**

9. Anda berhak untuk mengakses dan mengemaskini dan/atau membetulkan atau mengehadkan pemprosesan atau menarik balik kebenaran untuk memproses data peribadi anda dengan menghantar notis secara bertulis kepada kami. Namun yang demikian, penarikan balik kebenaran anda mungkin memberi kesan kepada perkhidmatan yang kami tawarkan kepada anda dan/atau sekiranya anda gagal memberikan data peribadi seperti diperlukan, kami mungkin tidak boleh memenuhi Tujuan-Tujuan di atas, atau di dalam kes tertentu, mungkin tidak dapat meneruskan perhubungan dengan anda.
10. Sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan atau aduan berkenaan polisi privasi ini, sila maklumkan kepada kami secara bertulis dengan memberikan nama, nombor Kad Pengenalan, maklumat organisasi dan butiran untuk dihubungi ke alamat berikut:

**Permodalan ASSAR Sdn Bhd**  
**Lot 357, Section 5, KTLD, Jalan Satok,**  
**93400, Kuching,**  
**Sarawak, Malaysia**

**SEMAKAN KE ATAS POLISI PRIVASI KAMI**

11. Selaras dengan komitmen berterusan kami untuk memastikan perlindungan data dan privasi pelanggan kami, Kumpulan Syarikat PASB berhak untuk menyemak polisi privasi ini dari semasa ke semasa.
12. Notis semakan/kemaskini tersebut akan dimaklumkan melalui saluran yang dianggap bersesuaian bagi Kumpulan Syarikat PASB.

***Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia pada polisi ini, maka versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.***